

13/10/1997

DAP sokong usaha PM

MELAKA, Ahad - DAP hari ini memberi sokongan penuh terhadap usaha Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menggunakan teknologi maklumat (IT) dalam semua pentadbiran kerajaan.

Menurut ketua pembangkang, Lim Kit Siang, DAP menyokong penuh inisiatif kerajaan itu kerana ia juga selaras dengan kempen 'IT untuk semua' yang dianjurkan oleh parti itu.

Lim yang juga Setiausaha Agung DAP, berkata kejayaan Wawasan 2020 bergantung kepada keupayaan kerajaan untuk mengubah masyarakat sekarang kepada masyarakat yang berteknologi maklumat.

Bagaimanapun, katanya, dalam usaha menentukan hasrat itu mendapat kejayaan, kerajaan perlulah menjadikan teknologi maklumat sebagai salah satu mata pelajaran yang mudah difahami.

"Kerajaan juga perlu meningkatkan lagi jumlah pelanggan Internet di negara ini kerana 160,000 pelanggan sedia ada masih dianggap rendah," katanya sewaktu merasmikan persidangan ke-10 parti itu, di sini, hari ini.

Menurut Lim, kerajaan sepatutnya meletakkan matlamat untuk mempunyai 500,000 pelanggan Internet menjelang akhir tahun depan.

Selain itu, beliau berkata, kerajaan melalui kementerian pendidikan sepatutnya memperkenalkan IT kepada lebih 250,000 guru seluruh negara supaya mereka dapat menggalakkan pelajar peka kepada teknologi itu.

Beliau berkata, salah satu langkah yang boleh dilakukan oleh kerajaan untuk menarik minat kalangan guru supaya celik IT, ialah dengan menawarkan pinjaman pembelian komputer tanpa faedah.

"Kerajaan juga perlu menubuhkan sebuah jawatankuasa khas yang dianggotai oleh wakil kerajaan, wakil pembangkang dan badan amal untuk membincangkan segala isu berkaitan dengan IT," katanya.

(END)